

582a
MAHATHIR

1975

KUALA LUMPUR, 17 JUN (BERNAMA)-- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENGGESA PUSAT-PUSAT PENGAJIAN SWASTA MENGENAKAN BAYARAN YANG BERPATUTAN BAGI MEMBOLEHKAN SEMUA PERINGKAT MASYARAKAT MELANJUTKAN PELAJARAN.

BELIAU MENEGASKAN SUNGGUHPUN KEUNTUNGAN BERUPA WANG RINGGIT PERLU DIUTAMAKAN, MEREKA JUGA HARUS MENJAMIN BAHAWA SETIAP RAKYAT DIBERI PELUANG MEMAJUKAN DIRI DALAM ILMU PENGETAHUAN.

INSTITUSI-INSTITUSI TERSEBUT JUGA PATUT BERUPAYA MENAMPUNG KEKURANGAN INSTITUSI PENGAJIAN UNTUK PELAJAR-PELAJAR YANG TIDAK BERJAYA MELANJUTKAN PELAJARAN DI PUSAT-PUSAT PENGAJIAN KERAJAAN.

DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KETIKA MENYAMPAIKAN SIJIL-SIJIL KEPADA 122 ORANG PENUNTUT ARIEF INSTITUTE DI SINI PETANG INI.

BELIAU MENJELASKAN BAYARAN YANG TERLALU TINGGI BUKAN SAHAJA MERUPAKAN BEBANAN YANG BERAT KEPADA IBUBAPA MALAHAN BERMAKNA MENOLONG HANYA MEREKA YANG BERADA UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN.

MENTERI ITU MAHU SUPAYA INSTITUSI-INSTITUSI SWASTA JUGA MENYEDIAKAN TEMPAT BELAJAR YANG SESUAI DAN TENAGA PENGAJAR YANG BERPENGALAMAN. -- BERSAMBUNG 1620/1B

593a
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BELIAU GEMBIRA KERANA ARIEF INSTITUTE MENYEDIAKAN SEGALA KEMUDAHAN YANG DIPERLUKAN SERTA TELAH BERKEMBANG MAJU SEJAK DIMULAKAN PADA TAHUN 1971.

TINBALAN MENTERI DALAM NEGERI, DATUK ABDUL SAMAD IDRIS SELAKU PENCERUSI LEMBAGA SEKOLAH ARIEF INSTITUTE MENGUMUMKAN SAHAWA SEBUAH YAYASAN TELAH DIBENTUK DI INSTITUT TERSEBUT BAGI MEMBANTU PELAJAR-PELAJAR ARIEF MELANJUTKAN PELAJARAN DI UNIVERSITI-UNIVERSITI DI INDONESIA.

KATANYA, BADAN TERSEBUT AKAN MENUMPUNKAN KESELURUHAN TENAGA DAN KEWANGANNYA UNTUK MEMBANTU PARA PELAJAR SERTA BERUSAHA UNTUK MENDIRIKAN BANGUNAN INSTITUT ITU SENDIRI. -- BERNAMA 1622/1B